



# NOTA RUJUKAN

[ BAGI KES-KES TATATERTIB ]

## A. PROSES LEMBAGA TATATERTIB

1

1. **PENGERUSI MENENTUKAN JENIS HUKUMAN BUANG KERJA/TURUN PANGKAT ATAU HUKUMAN YANG LEBIH RIINGAN**

[ P. 26 MPS , P. 40 (1) MPN ]



2

2. **PENGERUSI MENENTUKAN WUJUD KES PRIMA FACIES TATATERTIB**

[ P. 28 MPS OLEH LTT , P. 42 (2) MPN OLEH PENGERUSI LTT ]



3

3. **URUSETIA AKANT;**

1. LENGKAPKAN KERTAS PERTUDUHAN
2. MEMOHON REPRESENTASI DARIPADA PEGAWAI (21 HARI)
3. HANTAR KERTAS PERTUDUHAN TERSEBUT KEPADA PEGAWAI

[ P. 28 (1) MPS , P. 42 (2) MPN ]



4

4. **REPRESTASI DARIPADA PEGAWAI**

HENDAKLAH DIHANTAR DALAM TEMPOH 14 HARI

JIKA TIDAK TERIMA, TERUS KEPUTUSAN DAN JATUH HUKUM

[ P. 42(3)MPS , P. 28(3)MPN ]



5

5. **KEPUTUSAN DAN HUKUMAN:**



6

6. **SELESAI**



7

7. **TEMPOH RAYUAN**

## **B. PENERANGAN TENTANG REPRESENTASI:**

1. Representasi ialah jawapan kepada pertuduhan. Boleh masukkan apa-apa sahaja alasan yang relevan dan boleh membantu Lembaga Tatatertib membuat keputusan.
2. Ditaip atau ditulis dengan tangan.
3. Ditulis dengan kemas dan mudah dibaca.
4. Ditulis dalam bentuk perenggan yang bernombor
5. Menggunakan laras bahasa yang sopan dan tertib.
6. Boleh kemukakan lampiran apa-apa bukti atau menamakan mana-mana saksi untuk menyokong hujah anda.
7. Jika representasi dibuat dengan kemas, tertib dan mudah dibaca, ia akan membantu Lembaga Tatatertib untuk faham ketika membuat keputusan.
8. Bagi memudahkan penulisan representasi, anda boleh membuat jawapan balas dengan mengikut turutan isu seperti ini:

### **1. Jawapan Kepada Surat Pertuduhan**

- 1.1 Jawab setiap perenggan yang ada dalam Surat Pertuduhan
- 1.2 Letakkan nombor perenggan yang sedang dijawab. Mudah untuk dirujuk.
- 1.3 Buat alasan dengan jelas.
- 1.4 Kemukakan lampiran/bukti jika ada.

### **2. Isu Prosedure/Perundangan**

- 2.1. Anda dapat surat pertuduhan lambat
- 2.2. Maklumat kesalahan dalam kertas pertuduhan tak cukup
- 2.3. Kesilapan fakta dalam kertas pertuduhan
- 2.4. Lain-lain

*(jika tiada kaitan, tidak perlu tulis apa-apa)*

### **3. Isu-Isu Lain:**

Boleh masukkan perkara-perkara ini untuk dijadikan hujah sokongan

- 3.1. Kesihatan fizikal
- 3.2. Kesihatan mental
- 3.3. Masalah keluarga
- 3.4. Anda menerima ugutan
- 3.5. Anda rasa diri anda difitnah/ditohmah
- 3.6. Lain-lain

*(jika tiada kaitan, tidak perlu tulis apa-apa)*

## **C. PERKARA-PERKARA YANG DIAMBIL KIRA DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN**

1. Setakat mana kesalahan pegawai tersebut memburuk atau mencemarkan nama perkhidmatan awam dan jabatan.
2. Keadaan persekitaran yang boleh meringankan atau memberatkan hukuman.
3. Jika kes tersebut berkaitan dengan kesalahan terhadap kakitangan lain, LTT boleh melihat akibat kesalahan ke atas moral kakitangan lain yang terlibat itu.
4. Keadaan fizikal dan mental, umur, penyakit dan kesan ubat.
5. Rekod perkhidmatan pegawai meliputi tempoh berkhidmat, taraf jawatan, gaji dan emolumen.
6. Latihan atau kursus yang berkaitan dengan kes yang pernah diikuti oleh pegawai.
7. Kekerapan kesalahan yang dilakukan.
8. Jika melibatkan pemotongan kewangan, LTT boleh melihat jumlah pendapatan bersih termasuk potongan-potongan pinjaman, tanggungan dan lain-lain.
9. Kedudukan terkini, bebanan tugas dan sumbangan kepada Majlis.
10. Pertimbangan lain yang difikirkan perlu oleh LTT.